



BANGUNAN Mahkamah Syariah Shah Alam.

Perceraian boleh dielak jika berunding secara baik

Mahkamah jalan terakhir tangani konflik rumah tangga

“LIHAT dunia dari mata burung atau lihat dari dalam tempurung, yang mana satu kita pilih”. Itu sebahagian bait lagu *Tanya Sama Itu Hud Hud* nyanyian Datuk M Nasir. Begitulah jika ingin melihat perkembangan Mahkamah Syariah di negara ini.

Mahkamah syariah telah mengalami perkembangan menarik dan membanggakan. Jika dilihat di Kuala Lumpur dan Selangor khususnya, Mahkamah Syariah telah berpindah ke bangunan baru lebih besar dengan dewan bicara luas dan perkhidmatan kaunter dinaik taraf.

Hakim untuk mengendalikan bicara turut ditambah berserta pertambahan kakitangan bagi menyelesaikan kes syariah yang meningkat. Kesan baiknya, banyak kes berjaya diselesaikan di Mahkamah Syariah.

Perkembangan positif ini seawajarnya diberi pujian namun, di sebelah kemajuan dikecapi, kita juga harus melihat dari sudut lain iaitu peningkatan masalah rumah tangga dalam kalangan orang Islam. Ini sesuatu yang harus dibimbangkan kerana jika tidak terkawal boleh menyumbang kepada masalah sosial.

Oleh itu, jika berlaku masalah dalam rumah tangga ia perlu diselesaikan dengan bijak, bukan terus dibawa ke mahkamah. Masalah juga jangan dipendam hingga keadaan menjadi tidak terkawal atau akhirnya, mahkamah menjadi pilihan yang tinggal.

Alam rumah tangga akan melalui fasa pasang surut kerana ‘sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri’. Bagaimanapun, setiap masalah yang timbul pasti ada jalan penyelesaian dengan syarat setiap

pasangan bersedia mencuba dengan bersungguh.

Jika keadaan memerlukan, dapatkan khidmat kaunselor rumah tangga atau nasihat daripada keluarga dan pakar bertauliah. Perbincangan yang baik dapat menyelesaikan banyak perkara.

Walaupun perceraian mungkin jalan terbaik tetapi apabila keputusan itu disepakati, isu selepas perceraian boleh diselesaikan tanpa perlu ke mahkamah yang akan memakan masa serta wang pihak terbabit.

Keadaan itu sering kali menyebabkan gangguan emosi dan menjejaskan perjalanan kehidupan mereka terutama jika kes membabitkan anak-anak.

Kebimbangan utama daripada pertikaian keluarga yang berpanjangan ialah kesan kepada emosi dan psikologi anak-anak. Lebih-lebih lagi jika ada pihak yang menghasut anak-anak untuk membenci pasangan masing-masing.

Kesan jangka panjang daripada kesan psikologi anak akan mendorong mereka memilih untuk mendapatkan ketenangan dengan cara sendiri. Sering kali mereka tersalah pilih apabila tidak dibimbing dan mudah terpengaruh dengan unsur negatif di sekeliling mereka.

Anak yang terganggu emosi mudah menjadi sasaran. Justeru, kita perlu bersama merenung isu ini supaya walaupun terpaksa membuat keputusan sukar, kepentingan semua pihak tetap diberi pertimbangan sepatutnya.

Bertindaklah dengan adil dan wajar apabila berdepan masalah rumah tangga kerana pastinya kita tidak mahu sebarang keputusan dibuat memberi kesan negatif. Ada kala kita gagal mengawal emosi dan mahkamah adalah gambaran pertama yang terfikir setiap kali berdepan masalah.

Mungkin urusan duniaui yang semakin pesat menghakis seni kesopanan dan perbincangan yang harmoni sesama kita. Namun, sekali sekala kita harus berhenti sejenak dan merenung kembali apa yang dilakukan dan apa bakal dilakukan.

Sebenarnya banyak kebaikan yang akan terhasil apabila kita bersedia berbincang dalam suasana tenang dengan mengambil kira semua aspek serta pihak yang terbabit. Perbincangan secara damai dapat mengelak sengketa.

Lagipun, bagi pasangan suami isteri, mereka sudah berkongsi kehidupan berkeluarga dan pernah saling menyayangi. Oleh itu, adalah wajar setiap pasangan memikirkan hakikat itu berbanding mencari salah atau perkara untuk diungkit.

Semoga selepas ini kita lebih banyak mendengar pengurangan kes perceraian di mahkamah dan peningkatan jumlah masalah yang berjaya diselesaikan melalui perbincangan atau proses sulh bagi isu membabitkan rumah tangga.

Adalah lebih baik masalah yang timbul diselesaikan secara baik bagi mengelak ia dipanjangkan ke muka pengadilan atau mungkin perlu dikenakan syarat mewajibkan setiap pasangan berdepan masalah menjalani sesi kaunseling sebelum dibawa ke mahkamah.

Itu bagi persengketaan kecil atau salah faham antara pasangan tetapi bagi kes yang mungkin sukar untuk dibincangkan dan pihak bertikai juga enggan berbincang, mahkamah adalah jawapan tepat kerana semua pihak perlu akur dengan keputusannya.